



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **SERAMAI 71,290 CALON LEPASAN STPM DAN SETARAF DITAWAR TEMPAT KE UNIVERSITI AWAM**

---

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengucapkan penghargaan kepada calon lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan setaraf (STAM, Matrikulasi, Asasi dan Diploma) yang telah mengemukakan permohonan melanjutkan pengajian ke Universiti Awam (UA) menerusi UPUOnline®.

Pada tahun ini, KPT telah menerima **105,424** permohonan yang layak bagi lepasan **STPM/ Setaraf** untuk melanjutkan pengajian menerusi UPUOnline®. Seramai **71,290** calon (**77.47%**) telah ditawarkan tempat bagi melanjutkan pengajian.

Secara keseluruhannya, sebanyak **1,114** program pengajian Sarjana Muda telah ditawarkan bagi sesi kali ini. Kemasukan pelajar ke institusi-institusi tersebut dibuat berasaskan prinsip meritokrasi dengan menyusun semua calon yang layak mengikut markah merit tertinggi hingga terendah.

Kepada calon yang tidak mendapat tawaran tempat pengajian, Kementerian kini telah membuka saluran peluang kedua melalui proses rayuan di UPUOnline® dalam tempoh 10 hari, bermula daripada 6 September 2024, jam 12.00 tengah hari sehingga 15 September 2024, jam 5.00 petang.

Pihak Kementerian mengucapkan selamat maju jaya kepada semua calon yang berjaya dan semoga peluang menyambung pengajian di peringkat pendidikan tinggi digunakan sebaiknya.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**06 September 2024**